



# LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA

(LAND SURVEYORS BOARD)

[Ditubuhkan di bawah Akta Jurukur Tanah Berlesen, 1958 (Disemak 1991) - Akta 458]

RUJUKAN TUAN: **LJT 516 / ( 6 )**  
RUJUKAN KAMI:  
(SILA NYATAKAN RUJUKAN SURAT KAMI APABILA BERHUBUNG)

ARAS 5 - 7 WISMA LJT  
LORONG PERAK  
PUSAT BANDAR MELAWATI  
53100 KUALA LUMPUR  
No. Telefon: 03-41085191  
No. Faksimili: 03-41085178  
e-mail: [secretary@ljt.org.my](mailto:secretary@ljt.org.my)  
laman web: [www.ljt.org.my](http://www.ljt.org.my)

11 September 2017

## SEMUA JURUKUR TANAH BERLESEN

*YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan*

### **SUBSIDI PEMBELIAN PERALATAN UKUR GNSS OLEH LEMBAGA JURUKUR TANAH**

Dengan hormat, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan sedia maklum, Lembaga Jurukur Tanah, Malaysia (LJT) telah menawarkan pemberian subsidi bagi pembelian alat ukur GNSS kepada Jurukur Tanah Berlesen (JTB) mulai daripada tahun 2012 sebanyak RM10,000 bagi setiap JTB. Selaras dengan kemajuan teknologi dalam bidang ukur serta keperluan menjalankan kerja ukur, penggunaan Sistem Penentuan kedudukan berasaskan satelit ini didapati sangat penting dalam bidang ini.

3. Sehubungan dengan itu, bagi memastikan semua JTB dapat melengkapkan diri dengan peralatan GNSS, maka Lembaga dalam Mesyuaratnya ke 475 pada 24 Ogos 2017 telah bersetuju untuk menawarkan subsidi sebanyak **50% daripada nilai harga pembelian kepada JTB yang belum pernah memohon subsidi tersebut dan 30% daripada nilai harga pembelian kepada JTB yang telah mendapat subsidi sebelum ini.**

4. Berikut adalah syarat-syarat bagi melayakkan permohonan YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan untuk dipertimbangkan oleh Lembaga bagi pemberian subsidi tersebut:

- 4.1 Tiada sebarang tunggakan hutang dengan LJT.
- 4.2 Tidak terlibat dalam siasatan atau sedang dalam tindakan tatatertib Lembaga.
- 4.3 Tidak mempunyai tunggakan kerja pertanyaan JUPEM yang belum diselesaikan di mana bayaran fi ukur telah dijelaskan oleh LJT.
- 4.4 Komitmen menghadiri program anjuran LJT dan JUPEM.

5. Lembaga berhak untuk menarik balik kelulusannya sekiranya didapati maklumat yang diberikan oleh JTB adalah tidak benar.

6. Kelulusan subsidi ini akan diberikan berdasarkan permohonan yang diterima terlebih dahulu (*first come first serve*) dan tertakluk kepada jumlah peruntukan yang ada. Pelaksanaan pemberian subsidi ini berkuatkuasa dari tarikh kelulusan Mesyuarat Lembaga Ke 475. Bersama ini disertakan borang permohonan pembelian perlatan GNSS di bawah subsidi Lembaga untuk tindakan YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

Saya yang menurut perintah



**(Sr ISMAIL BIN HARUN)**  
*Setiausaha*  
Lembaga Jurukur Tanah  
Malaysia

s.k. YBhg. Dato' Pengerusi  
Lembaga Jurukur Tanah  
Malaysia

LEMBAGA JURUKUR TANAH  
MALAYSIA

**BORANG PERMOHONAN PEMBELIAN PERALATAN GNSS  
MELALUI SUBSIDI LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA**

1. Butiran JTB
    - 1.1 Nama :
    - 1.2 Nama dan alamat Firma :
    - 1.3 No. tel (pej) :
    - 1.4 No. faks :
  2. Saya seperti nama di atas memohon kepada Lembaga untuk membuat pembelian bagi peralatan GNSS seperti butiran di bawah:
    - 2.1 Jenama dan Model :
    - 2.2 Harga Belian :
- Sekian, terima kasih.

.....  
(Tandatangan dan cop JTB)

Tarikh :

---

***Untuk kegunaan Lembaga Jurukur Tanah***

Tarikh :

Adalah dimaklumkan bahawa permohonan \*YBhg.Datuk/Dato'/Tuan/Puan \*diluluskan / tidak diluluskan di dalam Mesyuarat Lembaga ke \_\_\_\_\_ pada \_\_\_\_\_.

Sekian, terima kasih.

**(Sr ISMAIL BIN HARUN)**

*Setiausaha*

Lembaga Jurukur Tanah  
Malaysia

\* potong yang tidak berkenaan